

**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SELASA 12 MAC 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	TAMAN BOTANI NEGARA DITUTUP HINGGA 31 MAC, BENCANA, BH -24 TAMAN BOTANI NEGARA DITUTUP SEHINGGA Hujung BULAN INI, TENGAH, HM -27 TAMAN BOTANI NEGARA DIBAIK PULIH, MY METRO -ONLINE	BAHAGIAN INDUSTRI ASAS TANI (IAT)
4. 5. 6.	IKAN GELAMA 'SERANG' PANTAI BATU HITAM DAN SUNGAI KARANG, MY METRO -ONLINE 'BANJIR' GELAMA, SETEMPAT, HM -8 TEKONG VIETNAM DIDENDA RM1 JUTA, NEWS, SINAR HARIAN (PANTAI TIMUR) -36	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
7.	HOT WEATHER AFFECTING HARUMANIS MANGO FARMERS, NATION, THE STAR -16	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
8.	BA KELALAN TO HOST ADAN RICE FESTIVAL ON MARCH 14 – 15 ADAN RICE FESTIVAL ON MARCH 14 – 15, BORNEO POST -ONLINE	BAHAGIAN INDUSTRI PADI BERAS (IPB) / BERNAS
9.	AKTIVITI PERTANIAN DI KEDAH TIDAK TERJEJAS, BH -ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
10.	SIM PRAISE OVER BAKHTIAR, NATION, KWONG WAH YIT POH -A2	LAIN - LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/3/2019	BERITA HARIAN	BENCANA	24

# Taman Botani Negara ditutup hingga 31 Mac

**Shah Alam:** Taman Botani Negara di Bukit Cerakah di sini, ditutup kepada pengunjung sehingga 31 Mac ini bagi membolehkan kerja pembersihan dan pemulihan dijalankan susulan ribut yang melanda kelmarin.

Pegawai Perhubungan Awam Taman Botani, Nurul Wardina Abdullah, berkata ribut turut menyebabkan tiga rusa dewasa mati, selain banyak pokok tumbang serta kerosakan kemudahan tapak aktiviti riadah.

**Anggaran kerugian belum diperoleh**  
 “Sebuah kenderaan turut rosak teruk di cermin depan tetapi anggaran kerugian keseluruhan belum diperoleh,” kepada kepada BH di sini, semalam.

Nurul Wardina berkata, seramai 80 petugas Jabatan Veterinar, Jabatan Pertanian, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dan kakitangan Taman Botani terbabit dalam kerja pembersihan dan pemulihan itu.

“Taman Botani ditutup untuk memastikan keadaan benar-benar pulih demi penyelesaian serta keselamatan pengunjung,” katanya.

Sementara itu, tinjauan BH mendapati tapak aktiviti sukan lasak Skytrex dan taman haiwan turut rosak teruk.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/3/2019	HARIAN METRO	TENGAH	27



**KERJA** pembersihan giat dijalankan selepas hujan lebat dan ribut melanda Taman Botani Negara Shah Alam.

### Shah Alam

## Taman Botani Negara ditutup sehingga hujung bulan ini

Kejadian hujan lebat dan ribut petang kelmarin menyebabkan Taman Botani Negara, terpaksa ditutup buat sementara sehingga hujung bulan ini.

Ia bagi membolehkan kerja pemulihan dijalankan termasuk memotong pokok berskala besar yang tumbang melintang laluan serta membersihkan

beberapa kawasan yang terjejas teruk.

Tinjauan Harian Metro mendapati tapak fasiliti aktiviti sukan lasak Skytrex dan Tapak Hari Keluarga yang menjadi tumpuan pengunjung menjalankan aktiviti riadah rosak akibat pokok tumbang.

Sementara itu, Pegawai Perhubungan Awam

Taman Botani Negara Nurul Wardina Abdullah berkata, pihaknya belum mendapat anggaran kos kerugian secara keseluruhan.

Beliau berkata, setakat ini, sebuah kenderaan mengalami kerosakan di bahagian cermin depan manakala tiga ekor rusa dewasa pula mati.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/3/2019	MY METRO	ONLINE	

## Taman Botani Negara dibaik pulih



HUJAN lebat serta ribut menyebabkan pokok tumbang dan merosakkan sebuah bas di Taman Botani Negara, Shah Alam. FOTO Sairien Nafis  
**Sairien Nafis**  
*am@hmetro.com.my*

HUJAN lebat dan ribut semalam menyebabkan Taman Botani Negara, Shah Alam terpaksa ditutup buat sementara waktu hingga hujung bulan ini bagi membolehkan kerja pemulihan dijalankan termasuk memotong pokok berskala besar yang melintang setiap laluan serta membersihkan beberapa kawasan yang terjejas teruk.

Tinjauan Harian Metro mendapati tapak fasiliti aktiviti sukan lasak Skytrex dan Tapak Hari Keluarga di mana pengunjung menjalankan aktiviti riadah dan Taman Haiwan musnah teruk akibat pokok tumbang.

Pegawai Perhubungan Awam Taman Botani Negara Nurul Wardina Abdullah berkata, pihaknya belum mendapat anggaran kos kerugian secara keseluruhan.

Katanya, sebuah kenderaan mengalami kerosakan teruk di bahagian cemin depan dan tiga rusa dewasa mati dalam kejadian semalam.

Menurutnya, seramai 80 wakil agensi Kementerian Pertanian seperti Jabatan Veterinar, Jabatan Pertanian, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dan kakitangan Taman Botani turut bersama bagi membantu kerja pemulihan taman itu.

Taman Botani itu dijangka beroperasi semula pada 1 April depan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/3/2019	MY METRO	ONLINE	

## Ikan gelama 'serang' Pantai Batu Hitam dan Sungai Karang

BAGAIKAN satu rahmat dan rezeki yang tidak dijangka buat penduduk Kampung Sungai Karang, Kuantan apabila lambakan pelbagai spesies ikan terutama ikan gelama membanjiri kawasan pesisir pantai kampung itu semalam.

Penduduk Abdul Hadi Muhammad, 58, berkata, lambakan pelbagai spesies ikan itu disedari mereka 7 pagi sebelum ada yang menangkap ikan itu menggunakan pukat.

Katanya, lambakan ikan itu di sepanjang pesisir Pantai Batu Hitam dan Pantai Sungai Karang menarik perhatian orang ramai dan penduduk yang berpusu membawa plastik untuk mengambil ikan itu.

"Seingat saya ini kejadian pertama banyak ikan terdampar di pesisir pantai secara mengejut. Ada nelayan yang guna bot dan pukat untuk tarik ikan ini ke darat.

"Orang kampung guna plastik ambil ikan ini untuk buat ikan kering dan memasak," katanya ketika ditemui di Kampung Sungai Karang hari ini.



*PENDUDUK menggunakan pukat untuk menangkap pelbagai spesies ikan. FOTO Ihsan pembaca*

Penduduk lain Siti Aminah Mamat, 49, berkata, dia dimaklumkan anak lelakinya jam 9 pagi sebelum bergegas ke kawasan pantai untuk mengambil ikan gelama.

"Ikan gelama sesuai dijadikan ikan kering dan saya tidak lepaskan peluang untuk ambil.

"Kejadian ini pertama kali berlaku di kawasan kampung ini.

"Saya tidak pasti ia disebabkan fenomena apa tapi ia ibarat rezeki kepada penduduk kampung," katanya.

Siti Aminah mendakwa ada nelayan dan penduduk kampung mengambil ikan itu dalam jumlah besar sebelum dijual kepada peraih ikan.

Dia menganggarkan lebih dua tan ikan berjaya dipukat dan dibawa naik ke darat oleh penduduk kampung.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perikanan negeri, Azahari Othman berkata, lambakan ikan gelama di jajaran pantai di daerah itu adalah perkara biasa.

"Sebelum ini tak silap saya dalam tahun lalu ada juga lambakan ikan dalam skala besar di pesisir Pantai Balok. Ia perkara biasa dan tiada fenomena apa-apa," katanya.

Beliau memaklumkan perkara itu terjadi mungkin disebabkan peralihan habitat spesies ikan berkenaan yang menyusuri kawasan pesisir pantai.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/3/2019	HARIAN METRO	SETEMPAT	8

Mohamad Azim Fitri Abd Aziz  
azimfitri@hmetro.com.my

#### Kuantan

**P**enduduk Kampung Sungai Karang di sini, mendapat rezeki terpijak apabila pelbagai spesies ikan terutama gelama membanjiri kawasan pesisir pantai berhampiran kampung itu, semalam.

Penduduk, Abdul Hadi Muhammad, 58, berkata, perkara itu disedari jam 7 pagi, sekali gus ada penduduk menangkap ikan itu menggunakan pukat.

Katanya, lambakan ikan itu di sepanjang pesisir Pantai Batu Hitam dan Pantai Sungai Karang menarik perhatian orang ramai dan penduduk kampung yang berpusu-pusu membawa plastik mengutipnya.

"Ini kejadian pertama berlaku di sini. Banyak ikan terdampar di pesisir pantai hingga ada nelayan guna bot dan pukat untuk tarik ikan ke darat.

"Penduduk kampung pula kutip dan mengistinya dalam beg plastik untuk di buat lauk," katanya, semalam.

Siti Aminah Mamat, 49, berkata, dia dimaklumkan anak lelakinya jam 9 pagi dan bergegas ke kawasan pantai untuk mengutip ikan gelama.

"Ikan gelama sesuai dijadikan ikan kering. Saya tidak lepaskan peluang untuk ambil. Kejadian ini yang pertama berlaku di kawasan kampung ini.

"Saya tidak pasti ia disebabkan fenomena apa tapi ia ibarat rezeki kepada penduduk kampung," katanya.

Dia menganggarkan lebih dua tan ikan dibawa naik ke darat oleh penduduk kampung.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perikanan negeri,



NELAYAN dan penduduk menangkap ikan di sepanjang pesisir Pantai Batu Hitam dan Pantai Sungai Karang.

## 'Banjir' gelama

### ■ Penduduk tak lepas peluang kutip ikan di pesisir pantai

Azahari Othman berkata, lambakan ikan gelama di jajaran pantai di daerah itu perkara biasa.

"Tahun lalu ada juga lambakan ikan dalam skala besar di pesisir Pantai Balok. Ia perkara biasa dan tiada fenomena apa-apa," katanya.

Beliau memaklumkan perkara itu berlaku mungkin disebabkan peralihan habitat spesies ikan berkenaan yang menyusuri kawasan pesisir pantai.



PENDUDUK menjemur ikan gelama untuk dijadikan ikan kering.

Headline	Tekong Vietnam didenda RM1 juta		
MediaTitle	Sinar Harian (Pantai Timur)		
Date	12 Mar 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	160,000
Page No	36	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	208 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,649
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,947



## Tekong Vietnam didenda RM1 juta

KEMAMAN - Seorang tekong bot nelayan warga Vietnam didenda RM1 juta oleh Mahkamah Sesyen Kemaman, di sini, semalam selepas didapati bersalah menangkap ikan di perairan Malaysia tanpa lesen pada November 2017.

Hakim Badrul Munir Mohd Hamdy turut memerintahkan tertuduh, Tran Van Loi, 31, dipenjarakan selama tiga tahun jika gagal membayar denda.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa menang-

kap ikan tanpa lesen sah yang dikeluarkan Jabatan Perikanan Malaysia pada kedudukan 72.2 batu nautika dari Kuala Kemaman pada jam 9.30 pagi 22 November 2017.

Van Loi didakwa mengikut Seksyen 8(a) Akta Perikanan 1985 (Akta 317) yang dibaca bersama Seksyen 24(1) akta sama dan Seksyen 34 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum mengikut Seksyen 25(a) Akta Perikanan 1985 dan dibaca bersama Seksyen

52(1)(a)(i) dan (ii) akta sama.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia), Mohamad Afiq Taqiudin Roslan.

Mahkamah memerintahkan kesemua barang kes iaitu sebuah bot, peralatan menangkap ikan, hasil lelongan tangkapan ikan sebanyak 10 tan dan minyak diesel dilucut hak kepada kerajaan Malaysia melalui Maritim Malaysia.



Tran Van Loi (mengangkat tangan) bersama awak-awaknya ketika ditahan pada November 2017.

## Hot weather affecting Harumanis mango farmers

**KANGAR:** The extremely hot weather is giving some 400 Harumanis mango farmers in Chuping a headache as the scorching heat is threatening the pollinating process of the fruits.

Last Friday, the temperature in Chuping reached about 37°C, making the area the hottest place in the country, and this has also resulted in the flowers dropping prematurely from the trees.

Perlis Agriculture Department crop development agent Mohd Shafarin Puteh said it had rained only twice since January.

"It is true that Harumanis mangoes require hot weather to grow well, but this year's weather is extremely hot.

"The ideal temperature for the mangoes to pollinate and produce fruits is between 31°C and 32°C but now our daily afternoon temperature is 36°C," he said after a meeting with farmers to address the concern in Kampung Panggas Besar here.

Mohd Shafarin said some 35,000 Harumanis trees would be at risk unless it rains soon.

"We have about 300ha of Harumanis farms, with an average of 123 trees per hectare.

"Last year, we produced about 750 tonnes of the fruit but with the present weather, I think there would be a drop," he said.

Farm owner Mohamad Zaki Khotob, 35, who has about 100 trees, said he expects a drop in the harvest this year.

"I think the harvesting would be delayed to



**Sun-kissed mangoes:** Farmer Azdha (left) and his partner Alauddin Abd Rahman showing some good quality Harumanis harvested at his farm in Kampung Belukar in Beseri, Perlis.

July or August. The hot weather has slowed down the growth of the fruits.

"This is probably the worst season in the past five years. Hopefully, the rain will come soon," he said.

Another planter in Kampung Belukar, Mohd Azdha Jusoh, is not affected by the hot weather as his farm, which has 900 trees, is equipped with an underground irrigation system from the nearby Sungai Abi.

"The hot weather allows more flowers to be produced from the trees and they can be kept

cool by the underground water.

"If the hot weather persists, I expect this season's produce to increase by 50% from last year," he said, adding he expects to harvest at least five tonnes of the mangoes this year.

Harvested only once a year, the sweet and aromatic Harumanis mango, which maintains its green colouring even when ripe, is the most expensive local mangoes as it could fetch up to RM40 per kg in the country and are exported

to countries such as Singapore, Taiwan and Japan.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/3/2019	BORNEO POST	ONLINE	

## Ba Kelalan to host Adan Rice Festival on March 14-15 Adan Rice Festival on March 14-15



LAWAS: Everyone is invited to the first-ever Adan Rice Festival 2019, taking place this March 14 to 15 at Kampung Buduk Nur in Ba Kelalan. Organised by Persatuan Masyarakat Adat Dataran Tinggi Borneo (Formadat) Ba Kelalan, the festival aims to promote and market the Adan rice to the public, especially to rice entrepreneurs.

Padi cultivation is the main economic activity of the Ba Kelalan community. Throughout the festival, villagers and entrepreneurs will set up stalls, open from 8am to 5pm daily, to showcase and also sell various rice-based products such as 'keropok' (crackers) and local cakes.

Visitors will also have the opportunity to know more about cultivating padi organically, known as 'System of Rice Intensification', which was introduced in Ba Kelalan only recently.

In addition, 'padi-related' traditional sports will be held daily, commencing at 1.30pm, throughout the festival, while the nightly cultural activities will commence at 7.30pm.

Formadat is an initiative by the Borneo highlands communities, meant to enhance awareness and understanding of the local communities, and also encourage the development in the heart of Borneo without disturbing the locals' quality of life and the surrounding environment.

The Ba Kelalan village is located about 1,000m above sea level, deep in the Kelabit Highlands of north-eastern Sarawak.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/3/2019	BERITA HARIAN	ONLINE	

## Aktiviti pertanian di Kedah tidak terjejas



ALOR SETAR: Aktiviti pertanian terutama tanaman padi tidak mengalami masalah bekalan air walaupun Kedah ketika ini mengalami musim kemarau.

Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Datuk Fouzi Ali, berkata walaupun Kedah berhadapan cuaca panas berpanjangan, ia tidak menjejaskan pesawah kerana sekarang musim menuai.

"Buat masa ini, tiada sebarang masalah dihadapi, malah MADA tidak mempunyai sebarang laporan mengenai pesawah terjejas kerana musim kemarau.

"Sekarang musim menuai, maka sudah pastinya isu ketiadaan air tidak timbul, malah empangan kita juga mempunyai bekalan air.

"Pesawah hanya akan mula tanam padi pada pertengahan bulan depan dan apabila timbulnya isu musim kemarau, kita bernasib baik kerana sekarang adalah musim menuai," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Semalam, Ketua Cawangan Komunikasi Korporat MADA, Mohd Hafizi Zakaria, dilaporkan berkata paras takungan air di tiga empangan utama seliaan MADA iaitu Empangan Pedu, Muda dan Ahning menurun sedikit berbanding dua minggu lalu, tetapi tidak menjejaskan bekalan air di negeri ini.

Headline	Sim praise over Bakhtiar		
MediaTitle	Kwong Wah Yit Poh		
Date	12 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	59,667
Page No	A2	Readership	179,000
Language	Chinese	ArticleSize	112 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,256
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,767



## 躺病床仍穿大马峇迪 沈志勤赞峇迪亚敬业

**旅**游、艺术与文化部副部长莫哈末峇迪亚（中）日前在布城住家附近骑脚车跌伤右手腕留院治疗，农业及农基工业部副部长沈志勤（左）及妇女、家庭及社会发展部副部长杨巧双（右）特前往医院探望前者。

沈志勤于周一在个人脸书发布 3 人合照时说，他上周探望了峇迪亚。峇迪亚像超人一样从自行车上摔下来。他仍然神采飞扬。他也赞赏峇迪亚推动旅游与文化发展，甚至躺在病床上也穿着大马峇迪。#

